



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2021

PELAKSANAAN PEROLEHAN UNIVERSITI BAGI TAHUN 2021

TUJUAN

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan perolehan Universiti bagi tahun 2021. Bagi menyokong usaha Kerajaan di dalam merancakkan ekonomi negara, terdapat kelonggaran di dalam tatacara dan peraturan perolehan yang telah diluluskan untuk tindakan bersama di samping memastikan pematuhan dan amalan langkah pencegahan penularan COVID-19 masih dikekalkan.

LATAR BELAKANG

2. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang sangat besar kepada ekonomi negara. Sehubungan dengan itu bagi merancakkan ekonomi negara, Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bil 2.2, Kaedah Pelaksanaan Perolehan/Projek Kerajaan Tahun 2021 yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 2021 dan telah diluluskan di Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 2/2021 pada 17 Februari 2021 telah menggariskan kaedah perolehan dengan kelonggaran di dalam pelaksanaan perolehan Universiti.

PELAKSANAAN

3. Bagi memastikan pelaksanaan perolehan/projek bagi tahun 2021 ini dilaksanakan seperti yang telah digariskan dalam pekeliling tersebut, perkara berikut perlu dipatuhi;

3.1. Perancangan dan Pelaksanaan Perolehan

- 3.1.1. Merancang perolehan lebih awal bagi perolehan yang hendak dilaksanakan tertakluk kepada peraturan perolehan yang sedang berkuat kuasa.

Sebarang mesyuarat berkaitan perolehan adalah tertakluk sebagaimana *standard operating procedure (sop)* mengadakan mesyuarat yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

- 3.1.2. Bagi mempercepatkan pelaksanaan proses perolehan dan meningkatkan aktiviti ekonomi, had nilai perolehan bagi sebut harga kerja telah dinaikkan daripada RM500,000.00 kepada RM800,000.00 sehingga hujung tahun 2021 . Rujuk **Lampiran 2 Kaedah Perolehan Kerja**.
- 3.1.3. Kerajaan juga telah memberi kebenaran untuk mempakejkan perolehan kepada pakej yang lebih kecil secara Sebut Harga dan Sebut Harga B iaitu bagi nilai melebihi RM20,000.00 setahun tertakluk kepada perkara berikut;
 - i. Bekalan dan Perkhidmatan melalui sistem eP@UKM
 - ii. Kerja yang diperuntukkan pada tahun 2021 sehingga RM 2.5 billion bagi menjalankan projek kecil dan sederhana dikalangan kontraktor G1 hingga G4.
- 3.1.4. Namun, pakej kecil sebagaimana di perkara 3.1.3 adalah tidak dibenarkan bagi perolehan secara Pembelian Terus atau Lantikan Terus iaitu bagi nilai tidak melebihi RM20,000.00 setahun.

3.2. Perolehan Darurat

Pelaksanaan perolehan darurat dilaksanakan mengikut garis panduan dan syarat-syarat sebagaimana tatacara perolehan yang berkuat kuasa. Rujukan boleh dibuat melalui Garis Panduan UKM-SPKP-PKU04-GP07 Pengurusan Perolehan Darurat yang dicapai melalui Sistem Pengurusan Dokumen Universiti (SPD).

3.3. Tuntutan Bayaran

Tuntutan daripada syarikat hendaklah diuruskan segera bagi bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah disempurnakan dan dokumen telah dilengkapkan. Sila rujuk Prosedur Kerja UKM-SPKP-PKU05 Pengurusan Bayaran (PTJ) melalui Sistem Pengurusan Dokumen Universiti (SPD).

PEMATUHAN

Kaedah pelaksanaan perolehan yang telah digariskan dalam pekeliling ini adalah berkuatkuasa bagi tahun 2021 sahaja. Perkara-perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam pekeliling ini adalah tertakluk kepada peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa.


PENGUATKUASAAN

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta bagi tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



NORINI BINTI MOHAMAD C.A(M), ACMA, CGMA

Bendahari

Universiti Kebangsaan Malaysia

- | | | |
|-----|---|---|
| s.k | - | Naib Canselor, UKM |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni) |
| | - | Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat) |
| | - | Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) |
| | - | Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat) |
| | - | Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur) |
| | - | Pendaftar |
| | - | Ketua Pustakawan |
| | - | Penasihat Undang-Undang |